

07 DEC 2001

Mahathir-Misuari

MAHATHIR ULANGI PENDIRIAN MALAYSIA SEDIA HANTAR KELUAR MISUARI

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno akan meneliti perkembangan terakhir yang boleh mempengaruhi usaha penghantaran pemimpin Islam Filipina Nur Misuari keluar dari Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau serta timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah memberi taklimat kepada anggota MT mengenai isu Misuari.

"Kita mempunyai pendirian bahawa Malaysia bersedia hantar Misuari keluar dari Malaysia," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat parti di sini.

Semalam Dr Mahathir mengatakan bahawa tindakan Misuari melarikan diri ke negara ini boleh menjejaskan hubungan Malaysia dengan negara jiran.

Beliau berkata Malaysia bersedia menghantar balik Misuari tetapi dia hendaklah diterima oleh kerajaan Filipina.

Bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao itu dikehendaki oleh Filipina kerana mengisytiharkan perang terhadap kerajaan negara itu bulan lepas. Beliau ditahan oleh polis Malaysia di sebuah pulau di Sabah selepas masuk secara haram ke negara ini pada 24 Nov lepas.

Sementara itu, agensi berita dpa melaporkan dari Manila bahawa Presiden Gloria Macapagal Arroyo berkata kerajaannya sedang bersiap sedia untuk menerima Misuari.

Arroyo berkata walaupun beliau secara peribadi mahukan bekas gabenor itu menjalani tahanan di Malaysia, namun beliau tidak akan membuat desakan itu terutama jika ia mendatangkan beban kepada Kuala Lumpur.

"Jika penahanan dia (Misuari) di Malaysia menjadi beban kepada kerajaan, kita telah bersedia, kita telah pun bersiap sedia untuk menerima dan memasukkannya ke dalam penjara," katanya pada sidang media mingguannya.

Arroyo berkata penghantaran balik Nur Misuari adalah berdasarkan "tempoh yang dipersetujui bersama" antara Manila dan Kuala Lumpur, "yang akan berakhir tidak lama lagi".

Menurutnya, beliau difahamkan Misuari sedang "disiasat" oleh pihak berkuasa Malaysia, yang kemudiannya akan menentukan sama ada sebarang pendakwaan akan dikenakan.

-- BERNAMA

AKT AKT MOZ